

25/10/1998

Belanjawan mampu rangsangkan ekonomi

JOHOR BAHRU: Belanjawan 1999 mampu merangsang ekonomi negara ke arah pertumbuhan dan pembangunan ekonomi lebih stabil selain membawa keadilan terhadap kebajikan rakyat, kata Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman.

Beliau berkata, rangsangan ekonomi itu datang daripada belanjawan defisit yang boleh memberi kesan berganda kepada pembangunan sektor lain terutama prasarana.

Abdul Ghani mengalu-alukan langkah kerajaan menekankan keperluan pendidikan, kesihatan dan kebajikan sekali gus menegakkan keadilan sosial kepada semua lapisan masyarakat termasuk peniaga dan penjaja kecil.

"Belanjawan 1999 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan Pertama, bukan belanjawan yang bertujuan membantutkan pergerakan ekonomi negara," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pasaraya Besar Giant, di Plentong, dekat sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan Belanjawan 1999 yang menggariskan lima strategi dan memperkenalkan beberapa langkah baru mencergaskan ekonomi serta melindungi kesejahteraan rakyat.

Menurutnya, belanjawan itu juga merangsang pengukuhan sektor perkhidmatan seperti perkapalan, insurans dan pelancongan seterusnya menyumbang dalam pemulihan ekonomi.

"Syarikat swasta perlu mengambil kesempatan daripada kelonggaran dan insentif yang diberikan kerajaan bagi mengukuh dan meningkatkan pendapatan masing-masing," katanya.

Abdul Ghani turut yakin ekonomi negara akan terus berkembang selain berharap kadar inflasi kekal di paras antara enam hingga tujuh peratus, iaitu paras munasabah dan boleh diterima.

(END)